

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Masalah Ponteng Kelas Di Kalangan Pelajar Di Kolej Kemahiran Belia Nasional, Pontian

Yahya B. Buntat & Norainiza Bt Saini

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi terjadinya masalah ponteng kelas di kalangan pelajar terutamanya di Kolej Kemahiran Belia Nasional (KKBN), Pontian. Faktor yang dikaji adalah dari aspek sikap pelajar, tenaga pengajar, rakan sebaya dan prasarana. Kajian dijalankan dengan mengedarkan set soalan kepada para responden yang mengandungi 30 item soalan. Sebanyak 70 sampel daripada tiga jurusan di KKBN, Pontian telah menjadi responden bagi kajian ini. Kebolehpercayaan item soal selidik yang digunakan menunjukkan pada nilai Alpha Cronbach dengan nilai sebanyak 0.940. Analisis diperolehi dari statistik deskriptif dengan mendapatkan peratusan dan kekerapan yang dibuat dengan menggunakan Statistic Package For Social Sciences (SPSS) versi 13.0. Keputusan menunjukkan bahawa sikap pelajar merupakan faktor utama dalam mempengaruhi masalah ponteng kelas di pusat kemahiran ini. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi masalah ini dan diharapkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada sesiapa sahaja yang terlibat bagi mengatasi masalah ini.

Katakunci : faktor, masalah ponteng kelas

Pengenalan

Gejala ponteng merupakan perbuatan yang menyalahi peraturan dan menimbulkan kebimbangan kepada pelbagai pihak. Gejala ini sering melanda pelajar di pelbagai peringkat sama ada di peringkat sekolah mahupun peringkat yang lebih tinggi seperti di universiti dan pusat-pusat kemahiran. Di pusat kemahiran para pelajar sering melakukan ponteng ketika melakukan kerja-kerja amali di bengkel. Gejala ponteng ini mungkin berlaku disebabkan pelajar masih terbawa-bawa dengan tabiat ponteng semasa di sekolah lagi.

Perlakuan seperti ini sebenarnya banyak mendatangkan masalah kepada pihak pengurusan pusat kemahiran tersebut. Ini adalah kerana pusat kemahiran adalah tempat bagi para pelajar menyambung pengajian mereka dalam bidang kemahiran. Pusat-pusat kemahiran juga mempunyai fungsi yang hampir sama dengan sekolah iaitu tempat penyebaran ilmu pengetahuan secara formal dan sistematik disamping membentuk, mendidik dan melatih diri seseorang pelajar agar menjadi insan yang berilmu dan berperibadi mulia.

Gejala ponteng agak membimbangkan kita kerana ia akan memberi kesan kepada perkembangan ilmu di kalangan remaja yang mengangap proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah menyekat kebebasan sosial mereka. Dengan melibatkan diri dengan gejala ponteng maka generasi hari ini akan hilang jati diri, tidak terdidik mental dan emosinya, lemah jasmani dan rohaninya dan akibat dari ketandusan ilmu akan menyebabkan mereka mudah terjebak dalam kegiatan yang negatif.

Pusat kemahiran bukan sekadar tempat untuk menambah ilmu pengetahuan semata-mata malah ia merupakan sebuah institusi pendidikan dalam masyarakat yang akan membentuk budaya generasi akan datang. Peranan utama pusat kemahiran adalah untuk merealisasikan harapan negara iaitu cita-cita dan matlamat negara bangsa yang telah ditetapkan dalam Wawasan 2020.

Negara memerlukan rakyat yang berakhlak mulia dan berupaya mendukung wawasan dan aspirasi negara. Malaysia juga ingin menjadi negara yang makmur selaras dengan Wawasan 2020, maka tunjangnya adalah rakyat yang berilmu dan berpendidikan agama. Oleh itu generasi hari ini wajar diberi pendidikan agama dan gejala ponteng yang sedang berlaku kini wajar diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Penyataan masalah

Ponteng berlaku di semua peringkat persekolahan sama ada di kalangan pelajar sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi. Melalui pengalaman pengkaji sendiri dalam menangani masalah ponteng sekolah di kalangan pelajar, sememangnya terdapat faktor yang menyebabkan pelajar melakukan perbuatan salah laku ponteng di sekolah. Sama ada ponteng kelas, ponteng menghadiri kelas luar bilik darjah atau ponteng sekolah.

Lee (1992), mendapati pelajar sendiri yang menjadi punca perlakuan salah laku di sekolah. Kajiannya menunjukkan bahawa pelajar yang melanggar disiplin sekolah terdiri daripada pelajar yang tidak mempunyai minat untuk belajar, kurang motivasi, malas serta kurang daya tumpuan terhadap pengajaran guru. Kebanyakkan mereka mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Pelajar begini tidak sedar bahawa menghadirkan diri ke sekolah itu penting dan mereka tidak akan mempedulikan disiplin yang telah ditetapkan.

Menurut Mustaza (1994), yang telah mengeluarkan kenyataan berhubung dengan kes ponteng dengan merujuk kepada pendorong berlakunya situasi ini adalah kerana sesi pembelajaran yang dikatakan membosankan. Beliau turut menyatakan bahawa guru yang tidak kreatif adalah penyebab utama masalah ponteng terjadi.

Berdasarkan maklumat di atas, pengkaji ingin menjalankan satu kajian untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pelatih-pelatih di KKBN, Pontian melakukan ponteng.

Objektif penyelidikan / tujuan penyelidikan

- a. Menenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi masalah ponteng kelas di Kolej Kemahiran Belia Nasional, Pontian dari aspek sikap pelajar.
- b. Menenal pasti faktor –faktor yang mempengaruhi masalah ponteng kelas di Kolej Kemahiran Belia Nasional, Pontian dari aspek tenaga pengajar.
- c. Menenal pasti faktor –faktor yang mempengaruhi masalah ponteng kelas di Kolej Kemahiran Belia Nasional, Pontian dari aspek rakan sebaya.
- d. Menenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi masalah ponteng kelas di Kolej Kemahiran Belia Nasional, Pontian dari aspek prasarana.

Kepentingan kajian

Kajian ini dijalankan bagi melihat apakah faktor-faktor yang mendorong pelajar di KKBN ini melakukan ponteng. Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat memberi garis panduan kepada tenaga pengajar di kolej ini dan beberapa pihak lain seperti Kementerian Belia dan Sukan, anggota masyarakat dan individu agar dapat menyusun strategi dan merancang langkah-langkah yang berkesan dalam usaha menangani gejala ini. Berikut adalah pihak yang berkepentingan dalam menangani masalah ini.

Pusat kemahiran : Kajian yang dijalankan ini boleh di jadikan panduan kepada pihak institut atau pusat kemahiran untuk menambahbaik proses pembelajaran kemahiran untuk menarik perhatian serta minat pelajar untuk menceburi bidang kemahiran yang

disediakan. Disamping itu, pihak pentadbiran institusi juga mungkin boleh mencari penyelesaian untuk masalah ponteng yang dialami di kebanyakan institusi.

Pihak Kementerian Belia dan Sukan : Membantu pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk memantapkan aktiviti-aktiviti belia di samping meningkatkan mutu perkhidmatan latihan. Selain itu, hasil dapatan ini juga akan mencadangkan aktiviti yang sesuai untuk menarik minat belia mengikuti latihan kemahiran dan mengelakkan mereka dari melakukan gejala ponteng yang tidak sihat ini.

Tenaga Pengajar : Melalui kajian ini juga dapat menyedarkan kepada pengajar-pengajar di pusat kemahiran. Melalui dapatan kajian ini nanti, pengajar seharusnya dapat mencari pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai. Pengajar juga boleh mencari alternatif yang sesuai seiring dengan kemampuan pelajar untuk menerima pelajaran agar minat untuk belajar dalam diri para pelatih dapat dipupuk sekaligus mengurangkan berlakunya ponteng kelas.

Pelajar : Para pelajar perlu sedar bahawa aktiviti ponteng yang mereka lakukan tidak mempunyai manfaat malahan mengganggu proses pembelajaran berlangsung. Pelajar di sini perlu mengambil tindakan yang bijak agar tidak tercicir di dalam pembelajaran dan mereka dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang.

Reka bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah kajian jenis deskriptif, iaitu satu tinjauan secara soal selidik yang mana bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan mendapatkan maklumat mengenai suatu peristiwa yang telah berlaku. Mohamad Najib (1999) mengatakan kajian berbentuk ini adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku. Data-data mengenai persoalan kajian diperolehi dengan kaedah soal selidik. Pengkaji menggunakan kaedah ini kerana merasakan ianya paling sesuai untuk mendapatkan maklumat secara terperinci tentang faktor yang mempengaruhi masalah ponteng kelas.

Menurut Azizi *et al.* (2007) kaedah ini merupakan kaedah yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden selain membuat pemerhatian tingkahlaku mereka. Selain itu ia dapat mengumpulkan data dengan lebih mudah dan sesuai dengan responden dalam kajian ini. Penggunaan soal selidik juga dapat menjimatkan masa dan perbelanjaan semasa mengumpul data.

Populasi dan Persampelan

Menurut Azizi *et al.* (2007) populasi merupakan unit atau subjek yang terlibat dalam kajian yang ingin dijalankan, manakala persampelan merupakan elemen yang mewakili sebahagian daripada populasi yang membolehkan pengkaji membuat kesimpulan tentang keseluruhan populasi.

Menurut Najib (1999) sampel adalah sumber mendapatkan data. Pengkaji membuat pemilihan sampel tidak rawak/ secara khusus kerana untuk memudahkan mencari sampel yang telah mewakili populasi. Data jenis ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Populasi akan menentukan bidang masalah yang perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat dan data. Seterusnya maklumat tersebut dikumpul dan analisis

Sampel kajian yang dipilih daripada populasi kajian adalah menggunakan persampelan bertujuan kerana ia memenuhi kehendak pengkaji. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar dalam tiga jurusan di Kolej Kemahiran Belia Nasional, Pontian yang melakukan ponteng .

Kriteria mengenalpasti responden adalah melalui penelitian terhadap rekod kehadiran kelas pelajar yang menunjukkan pelajar itu tidak menghadiri diri ke kelas sekurang-kurangnya 3 kali secara berturut-turut atau sepanjang sesi persekolahan penggal pertama dari bulan Januari hingga Mei 2007. Dalam penyelidikan ini , seramai 70 orang pelajar telah melakukan ponteng.

Kajian Rintis

Tujuan utama kajian rintis ini dilakukan ialah untuk menguji instrumen soal selidik tersebut. Kajian rintis adalah kajian yang dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan alat kajian di samping memastikan kesesuaian arahan dan format yang digunakan dalam alat kajian ini.

(Suriani, m/s: 34).

Selepas item-item soal selidik disahkan oleh pensyarah yang berkenaan, maka kajian rintis dijalankan kepada 10 orang pelajar yang melakukan ponteng. Sampel bagi kajian rintis yang akan dijalankan terdiri daripada pelajar dari Giatmara Pontian. Responden yang telah dipilih untuk kajian rintis tidak akan terlibat semasa kajian sebenar di jalankan. Menurut Mohamad Najib (1999) soal selidik mempunyai indeks kebolehpercayaan dan kesahan lebih 0.7 adalah boleh digunakan sebagai alat ukur sesuatu kajian. Ini menunjukkan soal selidik ini boleh digunakan. Oleh itu, 10 set soal selidik telah diedarkan kepada para pelatih dan data yang diperolehi dari kajian rintis telah dianalisa secara berkomputer dengan menggunakan perisian “Statistical Packages For The Social Sciences” (SPSS) bagi membuktikan kebolehpercayaan soalan-soalan tersebut.

Dalam kajian rintis yang telah dilakukan menunjukkan ujian statistik Alpha Cronbach mempunyai nilai alpha yang diperolehi ialah 0.918. Menurut Mohamad Najib (1999) soal selidik yang mempunyai indek kebolehpercayaan melebihi 0.7 atau sama dengannya boleh digunakan sebagai alat ukur dalam sesuatu kajian. Oleh yang demikian soalan yang dibina oleh penyelidik untuk set soal selidik boleh digunakan untuk kajian yang sebenar. Rujuk jadual 1.

Jadual 1 : Pekali Alpha Conbach

| | |
|-----------|----------------------------------|
| 0.0 – 0.2 | Rendah (Ubah kesemua item) |
| 0.2 – 0.8 | Sederhana (Ubah sebahagian item) |
| 0.8 – 1.0 | Tinggi (Item boleh diterima) |

Sumber : Penyelidikan Pendidikan, Mohd Najib Ghaffar (1999)

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soalan selidik sebagai instrumen kajian. Menurut Mohd. Majid (2000), soal selidik adalah alat ukur yang terbaik digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Menurut Azizi *et al.* (2007) soal selidik soalan tertutup dibina untuk membenarkan responden memilih dua atau lebih alternatif. Biasanya dikotomi menawarkan dua alternatif iaitu 'ya' ataupun 'tidak', 'setuju' ataupun 'tidak setuju'. Alternatif yang ditawarkan biasanya menyeluruh. Bagi kajian ini pengkaji telah memilih alternatif 'ya' ataupun 'tidak' yang digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya . Ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan yang diberikan juga akan diperolehi.

Borang soal selidik terdiri daripada Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi empat item berkenaan dengan latar belakang responden. Bahagian B pula mengandungi 30 item yang menyentuh tentang faktor-faktor yang menyebabkan pelajar di KKBN, Pontian melakukan ponteng. Aspek-aspek kajian meliputi faktor sikap, faktor tenaga pengajar, faktor rakan sebaya dan faktor prasarana. Jadual 2 menunjukkan isi kandungan instrumen kajian yang telah dikemukakan oleh penyelidik.

Jadual 2: Kandungan instrumen kajian

| Bahagian | Penerangan | No Item | Jumlah Item |
|----------|--------------------------------|--------------------------|-------------|
| A | Latar belakang | 1,2,3 | 3item |
| B | 30 item meliputi aspek | | |
| | a) Faktor sikap pelajar | 1,2,8,9,13,18,19 | 7 |
| | b) Faktor tenaga pengajar | 4,5,12,15,16,20,23,24,25 | 9 |
| | c) Faktor rakan sebaya | 3,6,7,10,17,22,26,28 | 8 |
| | d)FaktorPrasarana/Persekitaran | 11,14,21,27,29,30 | 6 |

Analisis Data

Secara keseluruhannya hasil dapatan bagi item soal selidik 1 mengenai aspek sikap yang mempengaruhi masalah pelajar ponteng menunjukkan purata peratus yang tinggi iaitu sebanyak 78.6%. Ini menunjukkan bahawa terdapat sikap negatif yang ada pada diri pelajar tersebut telah mendorong mereka untuk melakukan ponteng.

Item 8 menunjukkan peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 90%. Pelajar sering melakukan ponteng kelas terutama pada sesi pertama waktu pembelajaran kerana lewat tiba ke kelas. Punca pelajar ini sering lewat ke kelas kerana sikap mereka yang tidak pandai menguruskan masa. Mereka sering lewat bangun pagi dan mengambil masa untuk menyiapkan diri untuk pergi ke kelas. Oleh yang demikian mereka gagal untuk menghadiri diri pada waktu pertama sesi pembelajaran. Sikap ini adalah tidak wajar bagi pelajar yang menjalankan latihan di pusat kemahiran ini kerana mereka tidak menitikberatkan disiplin dalam diri mereka.

Secara keseluruhannya aspek rakan sebaya turut mempengaruhi pelajar untuk melakukan ponteng kelas. Item 6 menunjukkan peratus yang paling tinggi iaitu sebanyak 89.2% dimana pelajar tidak akan hadir ke kelas kerana sering dibuli oleh pelajar yang lain. Apabila responden sentiasa dibuli, mereka mungkin akan menyendiri dan enggan untuk menghadiri ke kelas. Item 26 telah menyokong kenyataan tersebut apabila seramai 84.9% melakukan ponteng kerana sering ditertawakan oleh pelajar lain apabila berada di dalam kelas. Ini jelas menunjukkan rakan sebaya yang mempunyai sifat negatif ini mempengaruhi pelajar untuk melakukan ponteng kelas.

Bagi aspek tenaga pengajar ini, jelas menunjukkan tenaga pengajar turut mempengaruhi pelajar untuk melakukan ponteng kelas. Tenaga pengajar yang tidak kreatif dan tanpa bantuan penggunaan bahan yang menarik mengakibatkan pelajar kurang menumpukan perhatian dan sekaligus mengelak untuk menghadiri kelas tersebut. Perkara ini telah dibuktikan apabila seramai 64 pelatih (90.7%) telah melakukan ponteng kerana tenaga pengajar tidak dapat menarik minat mereka untuk belajar. Sekiranya tenaga pengajar menggunakan bahan dan teknik yang berbeza, berkemungkinan pelajar akan sentiasa menumpukan perhatian semasa berada di dalam kelas samaada kelas teori ataupun kelas amali. Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi daripada

aspek tenaga pengajar jelas menunjukkan bahawa sekiranya seseorang guru itu kreatif masalah ini mungkin tidak akan terjadi.

Secara keseluruhannya aspek prasarana juga mempengaruhi masalah ponteng kelas yang berlaku dipusat kemahiran ini. Keadaan kelas yang sempit amat mempengaruhi pelajar melakukan ponteng kelas. Item 29 menunjukkan bahawa 57 pelajar (81.4%) dari jumlah responden bersetuju bahawa kelas yang sempit menyebabkan mereka sering meninggalkan kelas sekaligus melakukan salah laku ponteng. Kelas yang sempit mungkin menyebabkan pelajar berasa sesak apabila semua ruang terpaksa digunakan untuk menampung jumlah pelajar yang ramai. Keadaan ini mungkin menyebabkan pelajar tidak dapat bertahan lebih lama untuk terus menerima pelajaran.

Perbincangan

Hasil kajian dalam Bab 4 mendapati bahawa pelajar-pelajar yang menjadi responden mempunyai sikap yang negatif dan sikap ini telah mendorong mereka untuk melakukan ponteng kelas. Peratus bagi sikap negatif pelajar terhadap kerja amali adalah tinggi iaitu sebanyak 78.6%. Pelajar menganggap kerja-kerja amali di dalam bengkel amat memenatkan kerana terpaksa menggunakan tenaga yang lebih untuk menyiapkan sesuatu projek atau tugas yang diberikan oleh tenaga pengajar.

Selain itu juga, responden yang dikaji mempunyai tanggapan bahawa pembelajaran teori yang dipelajari agak membosankan. Mereka beranggapan bahawa kelas teori adalah lebih baik di ajar melalui tayangan filem, demonstrasi guru, dan syarahan yang menarik. Pelbagai kemahiran dalam proses teknikal seperti memerhati, membuat kesimpulan, merekod dan sebagainya yang mereka perolehi melalui kerja amali adalah amat berguna untuk membantu dalam memahami pembelajaran teori seterusnya dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Melalui kajian ini juga, pengkaji mendapati bahawa responden tidak membuat persediaan awal sebelum kelas berlangsung sehingga mereka tidak tahu apa yang perlu dilakukan semasa berada di kelas ataupun di bengkel. Jika mereka tidak dapat menyiapkan tugas yang terdahulu mereka mengambil langkah mudah dengan tidak menghadiri diri ke kelas tersebut. Aktiviti di luar kelas yang banyak juga menyebabkan mereka kurang persediaan awal. Mereka juga tidak mahir dalam pengurusan masa akibatnya sering lewat ke kelas dan melakukan ponteng pada sesi pertama pembelajaran.

Pelajar-pelajar di pusat kemahiran ini juga melakukan ponteng apabila dipengaruhi oleh rakan sebaya. Hasil dapatan kajian menunjukkan purata peratus keseluruhan adalah sebanyak 74.3%. Di dapati bahawa terdapat rakan yang selalu mempengaruhi pelajar untuk tidak menghadiri diri ke dalam kelas dengan alasan ianya tidak menyeronokkan. Jika responden tidak mengikut ajakan tersebut mereka akan dipinggirkan oleh rakan-rakan yang lain.

Terdapat juga pelatih yang suka membuli pelatih lain dan mengakibatkan pelatih yang dibuli takut untuk menghadiri diri ke dalam kelas. Selain itu juga pelatih melakukan ponteng kelas kerana tidak tahan ditertawakan apabila gagal menjawab soalan yang diajukan oleh tenaga pengajar.

Rakan sebaya merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi pembentukan personaliti seseorang. Menurut Ee Ah Meng (1992) rakan sebaya mempunyai nilai-nilai yang tersendiri. Contohnya, sekiranya pelatih bercampur gaul dengan sekumpulan rakan yang menekankan kerajinan untuk belajar, secara tidak langsung mereka akan turut sama ingin belajar. Sebaliknya, jika kumpulan rakan sebaya itu merupakan kumpulan yang tidak mengutamakan

pelajaran sekolah, ia turut akan mempengaruhi tingkahlaku rakan tersebut. Dengan itu, pelatih berkenaan akan bersikap malas dan tugasan yang diberikan oleh tenaga pengajar akan diabaikan.

Berdasarkan dapatan kajian taburan responden mengikut peratusan dan min bagi faktor tenaga pengajar memprolehi purata peratus adalah sebanyak 71.4%. Ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar turut mempengaruhi masalah ponteng kelas di kalangan pelatih.

Daripada hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa faktor pengajaran oleh tenaga pengajar dari segi kaedah pengajaran memainkan peranan yang penting dalam membentuk minat pelatih untuk terus belajar. Tenaga pengajar yang tidak kreatif boleh menyebabkan pelatih tidak berminat untuk menghadiri kelas tersebut.

Segelintir tenaga pengajar yang bersikap pilih kasih juga menyebabkan pelatih yang kurang perhatian berasa terpinggir dan tidak berminat untuk menghadirkan diri ke dalam kelas. Ditambah pula dengan sikap tenaga pengajar yang suka mendenda dengan hukuman yang berat menyebabkan pelatih berasa takut untuk menghadirkan diri ke dalam kelas tersebut.

Menurut Cooper.M (1974) guru sepatutnya membimbing untuk mengerakkan pelajarannya untuk belajar, membantu pelajar membina sikap yang positif, memperbaiki teknik mengajar dan membaiki diri terhadap mutu pengajaran mereka. Guru seharusnya boleh memberi bimbingan dan bukannya arahan semata-mata ketika pelajar melakukan sesuatu aktiviti supaya pelajar merasakan ianya tidak terikat dengan hanya satu cara atau satu kaedah sahaja.

Kemudahan prasarana yang sedia ada juga mempengaruhi pelajar di pusat kemahiran ini melakukan ponteng kelas. Namun begitu purata peratus yang mempengaruhi masalah ponteng dari aspek prasarana menunjukkan purata yang paling sedikit berbanding aspek yang lain iaitu 62.8%.

Segelintir pelatih melakukan ponteng kerana kurang pengawasan oleh pegawai keselamatan. Kedudukan asrama yang jauh dari pusat latihan juga menyebabkan mereka berani untuk melakukan ponteng. Keadaan bilik darjah yang kurang selesa juga boleh mempengaruhi tingkahlaku pelatih. Umpamanya, keadaan bilik darjah yang gelap, panas, sempit dan kotor boleh membosankan pelatih. Begitu juga, keadaan tempat tinggal yang penuh sesak boleh merimaskan pelajar tersebut. Langkah mudah yang diambil oleh para pelatih ialah keluar dari bilik darjah dan tanpa mereka sedari mereka telah melakukan salahlaku disiplin iaitu melakukan ponteng kelas.

Persekitaran sekolah yang menarik dan sesuai dengan tempoh perkembangan mereka dapat menjadi tempat terbaik kepada pelajar untuk melarikan diri daripada tekanan-tekanan yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Ini sekurang-kurangnya mengelakkan pelajar memilih tempat-tempat yang salah sebagai tempat mereka melepaskan tekanan yang dihadapi

Rujukan

Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azizi et al. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan.*: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd .

Cooper, M (1974). *Self-Identity In Adolescent School Refusers and Truants*. Educational Research.36 (3).229-247.

Duane, M.(1973). *The Children School*. London: Mc Millan Press.

Ee Ah Meng (1992). *Psikologi Perkembangan: Aplikasi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Siri Pendidikan Fajar Bakti.

Futrell, M.H.(1996). *Violence- In The Classroom: A Teachers Perspective*. Westport, CT. : Praeyer Publishers.

- Ibrahim Mamat (1997). *Memimpin Remaja Sekolah: Teori Dan Prakti*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd. Cetakan Pertama.
- Ismail Haji Din (1990). *Cita – Cita Mengejar Dan Merealisasikannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jersild A.T Brook (1978). *Factors Controlling Attendance In Rural School*. New York: Teacher College Colombia University Press.
- Kamus dewan Edisi Ketiga (2000) : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1994). *Panduan Bagi Mengatasi Ponteng Di Sekolah:Unit Disiplin Bahagian Sekolah*.
- Lacey.C. (1970). *Hightown Grammer*. London: Manchester Universities Press
- Lee, L. S. (1992). *Distruptive Behaviour In A Classroom: An Ethnographic Study*. :Universiti Malaya. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan.: Tidak Diterbitkan
- M. Hussain Habil (1994). *Merokok : Tabiat Yang Memerlukan Rawatan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Maimunah (2002). *Disiplin: Satu Tinjauan Konsep Dari Segi Pendidikan*. Disiplin Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Nassaruddin(1977). *Siapa yang Patut Disalahkan?* Saripati. 4 Julai 102-106.
- Ralph. Mosser.Barnes (1949). *Motion and Time Study*: New York, John Wiley.
- Rekod Kedatangan Harian Pelatih(2007) .Unit Mekanik Kenderaan Motor KKBN Pontian.
- Syarifah Alawiah Alsagoff (1984). *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinamen Asia.
- Tuckman, W.B.(1988). *Conducting Educational Research*. New York: HarcourtJovanovick.
- Trickett, E. And Moss, R. (1973). *The Social Environment of Junior High and High School Classrooms*. Journal of Educational Psychology. 65.93-102.
- Wong Kean Loong (2003), *Sosial Bonding dan Masalah Ponteng Sekolah di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Pulau Pinang: Satu Kajian Kes*, Universiti Malaya: Tesis Sarjana Pendidikan.